Utusan Borneo: 31 Oktober 2026

Suri rumah enam anak didenda kerana main judi dalam talian di tempat awam

KUCHING: Seorang suri rumah berusia 53 tahun dan mempunyai enam orang anak didenda RM2,500 di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah bermain judi dalam talian di tempat awam.

Majistret Nureina Syafika Mohd Najib memerintahkan Jati Umar yang dituduh mengikut Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, untuk dipenjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda.

Seksyen berkenaan membawa hukuman denda maksimum RM5,000 atau penjara maksimum enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Wanita terbabit didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 2.50 petang di sebuah premis di Jalan Wan Alwi di sini pada 26 Oktober lalu.

Fakta kes mendedahkan polis semasa Ops Dadu membuat serbuan di sebuah kedai di lokasi terbabit untuk mengesan aktiviti perjudian dalam talian.

Semasa pemeriksaan dilakukan, polis menangkap Jati kerana dipercayai bermain judi dalam talian dan turut merampas sebuah telefon pintar serta sekeping keratan kertas bertulis ID dan kata laluan untuk dijadikan bahan kes.

Hasil siasatan polis mendapati Jati menggunakan telefon pintar untuk bermain judi dalam talian.

Laporan pakar judi turut mengesahkan bahawa telefon pintar yang dirampas itu merupakan peralatan digunakan bagi menjalankan aktiviti berkenaan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suriani sementara Jati tidak diwakili peguam.